

12/05/1997

Umno perlu kekal idealisme

KUALA LUMPUR, Ahad - Umno perlu mengekalkan idealisme perjuangannya untuk memastikan keunggulan dan kecemerlangan bangsa Melayu serta kemajuan negara diteruskan.

Panel Forum Pengkisahan Sejarah Umno: Kejayaan dan Cabaran sempena sambutan ke-51 parti itu hari ini, sepakat bahawa Umno adalah organisasi massa yang paling unggul dan cemerlang ketika ini.

Malah, menurut mereka, Wawasan 2020 yang dicetuskan oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kini menjadi gagasan yang menjadi inspirasi seluruh dunia dan rangkaian yang berpengaruh.

Ahli panel forum itu ialah bekas Setiausaha Agung dan veteran Umno, Tan Sri Mustapa Jabar; Tokoh Wartawan Negara, Tan Sri A Samad Ismail dan pensyarah Fakulti Sejarah Universiti Malaya, Prof Madya Mahadzir Mohd Khir. Ia dipengerusikan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Johan Jaafar.

Forum itu dianjurkan Pergerakan Pemuda Umno.

Mustapa berkata, perjuangan Umno pada masa depan adalah lebih getir berbanding pengalaman pejuang lalu kerana ia memerlukan segala kebijaksanaan dalam menangani masalah sosiopolitik serta cabaran globalisasi.

"Kealpaan Umno walaupun sedetik, akan diambil kesempatan oleh gerombolan fanatik agama dan kaum," katanya.

Samad pula berkata, hasil perjuangan Umno berjaya melahirkan tamadun baru Melayu melalui satu kebangkitan serta terus mempertahankan peranannya sebagai pemangkin pelbagai perkara.

Beliau bersetuju bahawa Umno perlu mengalami perubahan dari semasa ke semasa supaya ia tidak beku, sempit dan dogmatik.

"Umno sangat fleksibel dan pragmatis tetapi boleh lumpuh tanpa meneruskan idealismenya," katanya sambil menyarankan hakikat itu harus telus hingga ke peringkat akar umbi.

Mahadzir pula berkata, ahli Umno mesti mendukung idealisme iaitu menyayangi parti, bangsa, agama dan negaranya.

"Apakah seseorang yang menjadi ahli Umno mahu menggunakan parti atau memperalatkan parti untuk mencapai idealisme?"

"Kalau tidak lagi berpegang kepada idealisme, Umno akan hancur," katanya.

Beliau menegaskan, Melayu bukan satu kaum tetapi mewakili satu bangsa yang mewakili pelbagai suku yang bangkit melalui Umno.

Bagaimanapun, ketika ditanya sama ada Pas boleh menjadi alternatif kepada orang Melayu selain Umno, beliau tidak nampak parti itu boleh menjadi alternatif.

"Antara lain sebabnya ialah Pas lahir daripada pecahan Umno. Pas tidak diterima sebagai parti yang boleh menubuhkan kerajaan.

"Oleh itu, kalau Umno terus memegang idealisme, tidak ada sebab Umno tidak boleh terus berdiri teguh sehingga 2020," katanya.

(END)